


Sindiket penipuan gores
dan menang **muncul**
semula cari mangsa
Muka 18



Sindiket gores tawar ketuhar RM5,000

Perdaya mangsa isi borang kaji selidik di pasar raya

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sindiket gores dan menang masih meneruskan modus operandi memperdaya orang ramai, terutama di pasar raya, dengan pelbagai helah.

Terbaru, bulan lalu, mereka meminta mangsa mengisi borang kaji selidik barangan elektrik sebelum menawarkan hadiah bernilai RM5,000 menerusi kupon yang digores.

Beroperasi di sebuah pasar raya di Batu Caves, sejak awal bulan lalu, anggota sindiket itu akan menghampiri pengguna dan meyakinkan mangsa akan memenangi hadiah selepas mengisi borang soal selidik barangan tertentu.

Dalam kejadian pada 2 Julai lalu, seorang pelajar universiti tempatan, Nur Fatimah Idris, 25, yang menjadi mangsa sindiket nyaris

kerugian hampir RM2,500 wang persediaan perkahwinannya.

Dia yang menularkan kejadian itu menerusi laman sosial Facebook atas namanya berkata, ketika kejadian dia bersama ibunya ke pasar raya berkenaan untuk membeli-belah.

Katanya, di situ, dia didekati seorang jurujual untuk menjawab soalan kaji selidik, membuat cabutan kupon dan akhirnya dipujuk untuk membeli sebuah ketuhar bagi menerima hadiah percuma seperti tertera dalam kupon.

"Pendekatan mereka terlalu lembut, meyakinkan dan profesional sehingga saya tidak sedar saya sudah masuk ke dalam perangkap mereka.

"Saya ditawarkan sebuah ketuhar berharga RM5,000 dan akan menerima satu lagi ketuhar pada harga sama secara percuma.

"Saya terjebak selepas seorang jurujual mendakwa sanggup membayar separuh daripada harga itu untuk mengambil ketuhar percuma yang ditawarkan kepada saya jika membeli sebuah ketuhar jenama sama," katanya ketika ditemui *BH*.

Nur Fatimah berkata, dia ber-setuju dan membuat bayaran dalam keadaan tergesa-gesa selepas jurujual mendakwa masa hanya tinggal 10 minit kerana operasi



Sindiket gores dan menang memperdaya mangsa di sebuah pasar raya di Batu Caves pada 2 Julai lalu.

akan ditutup pada jam 6 petang.

Katanya, setiba di rumah, dia terkejut apabila mendapati jema ketuhar itu bukan seperti ditawarkan dan ketika itu baru dia sedar yang dia sudah tertipu.

"Bagaimanapun, saya berjaya mendapatkan kembali semua bayaran selepas menyatakan akan

membuat laporan polis dan menyebarkan gambar mereka menerusi platform media sosial," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan *BH* ke pasar raya itu mendapati sindiket tidak lagi beroperasi di petak niaga mereka dan difahamkan pihak berkuasa sudah menahan atas ah-

li sindiket terbabit.


Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Gombak, Superintendan Arsad Kamaruddin ketika dihubungi *BH* mengesahkan penahanan empat lelaki dan seorang wanita mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Katanya, kesemua suspek berusia antara 22 tahun hingga 36 tahun direman empat hari bagi membantu siasatan.

Setakat ini, katanya, hanya seorang mangsa membuat laporan dan pihaknya bertindak cepat sebelum ada yang lain menjadi mangsa.

"Kami turut merampas invoice dan resit pembayaran yang diktakan dibuat oleh pelanggan lain.

"Bagaimanapun, selepas siasatan, kami dapati penama dalam invoice dan resit tidak wujud, sebaliknya ia digunakan untuk meyakinkan mangsa yang ramai orang membeli barangan berkenaan," katanya.



Petak niaga sindiket gores dan menang tidak lagi beroperasi.